

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP  
[ Pensiangan ]**

**TARIKH : 18.3.2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 28**

Tuan Arthur Joseph Kurup [ Pensiangan ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status permohonan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Pagalungan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian dan keutamaan kepada pembangunan pendidikan di Sabah dan Sarawak khususnya di sekolah-sekolah yang memerlukan kerja-kerja pembaikan serta naik taraf kemudahan sekolah. Justeru, melalui inisiatif Pelan Pembagunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, KPM dari semasa ke semasa mengenal pasti sekolah atau bangunan sekolah yang perlu dibaiki dan diselenggarakan bagi memastikan sekolah mempunyai kemudahan pendidikan yang sempurna.

Pembinaan SMK Pagalungan, Nabawan dicadangkan pembinaannya memandangkan jarak sekolah menengah terdekat adalah 100 kilometer. Namun demikian, status pembinaan sekolah tersebut masih dalam perancangan memandangkan tapak cadangan pembinaan sekolah tersebut masih dalam proses permohonan. Projek akan dimohon setelah permohonan tanah selesai dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

Sekian, terima kasih.